

Dasar gaji progresif perlu demi rakyat - MTUC

PETALING JAYA: Pengubahan dasar gaji progresif langkah terbaik buat rakyat dan pelan mencapainya tidak boleh sekadar 'hangat-hangat tahi ayam'.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Effendy Abdul Ghani berkata, gaji progresif adalah gaji muhasabah dan bernaruh yang mang-menang untuk kerajaan, majikan dan pekerja.

Menurut beliau, tindakan mengubah dasar itu menggambaran kerajaan serius mahu membantu rakyat mendapat pendapatan setanding dengan pertumbuhan ekonomi.

"Apabila ada penguaman daripada Kementerian Ekonomi, ia nampakkan betapa serius kerajaan untuk mulakan perbincangan awal dan lebih agresif selepas ini untuk kita beralih kepada gaji progresif," katanya ketika dihubungi, semalam.

Kelmarin, media melaporkan, kerajaan sedang meneliti secara dasar sistem gaji progresif di negara ini dengan perbincangan serta proses libat urus mengerainya sudah bermula membabitkan pelbagai sektor.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, dasar atau model gaji progresif akan dibangunkan secara bersama membabitkan kementeriannya. Kementerian Kewangan (MOF); Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Rafizi berkata, dasar itu akan diselaras dengan sasaran Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) supaya nisbah hasil ekonomi yang diberi kepada pekerja dalam bentuk gaji dan pampasan meningkat daripada paras semasa iaitu sekitar 36 peratus kepada 40 peratus.